

## Kemelut Ketaksamaan: Kesan ke atas Pembentukan Identiti Remaja Bandar

Rosila Bee Mohd Hussain\* dan Haslina Muhamad

Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

### ABSTRAK

Isu ketaksamaan sering diperkatakan dalam masyarakat khususnya dari aspek kedudukan ekonomi seseorang. Walaupun begitu, kalangan remaja mungkin berhadapan dengan isu ketaksamaan ini dari sisi yang lain iaitu pengaruh dalam pembentukan identiti mereka. Tujuan artikel ini adalah untuk melihat isu-isu ketaksamaan remaja, khususnya di bandar, yang mewujudkan ketidaksamaan dalam kehidupan dan mempengaruhi pembentukan identiti mereka. Kajian ini menerangkan pandangan remaja bandar mengenai isu ketaksamaan berdasarkan keadaan sebenar dan cara mereka menghadapinya. Kajian menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk pengumpulan data. Soal selidik telah dijalankan ke atas 720 responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar di tiga universiti iaitu UM, UTM dan USM. Tiga sesi Perbincangan Kumpulan Fokus telah dijalankan di setiap lokasi dan 10 responden dipilih untuk setiap lokasi. Data yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis untuk maklumat deskriptif dan analisis pemeringkatan (*ranking analysis*) menggunakan SPSS. Kajian mendapati bahawa 23% responden berpendapat bahawa kuasa dan kedudukan dalam masyarakat adalah faktor penyumbang utama seseorang berada dalam ketaksamaan diikuti dengan tahap pendidikan dan jenis pekerjaan. Manakala, 41% responden berpendapat pengangguran adalah isu utama yang dapat mempengaruhi pembentukan identiti. Para responden turut mencadangkan saranan supaya menjadikan seseorang sebagai *role model* untuk menjadi motivasi dalam menghadapi kemelut ketaksamaan. Oleh itu, pemahaman tentang cara identiti remaja bandar terkesan dengan isu-isu ketaksamaan ini adalah perlu untuk masyarakat supaya dapat membantu mereka berfungsi dengan baik di bawah keadaan hidup yang mungkin tertekan pada masa hadapan.

### ARTICLE INFO

Article history:

Received: 26 July 2021

Accepted: 19 November 2021

Published: 07 March 2022

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.30.1.07>

E-mail addresses:

rosila\_bee@um.edu.my (Rosila Bee Mohd Hussain)  
haslina\_m@um.edu.my (Haslina Muhamad)

\* Corresponding author

*Kata kunci:* Identiti, ketaksamaan, pembentukan identiti, remaja, remaja bandar

## ***Challenges of Inequality: Effects on Urban Youth Identity Formation***

### ***ABSTRACT***

*The topic of inequality especially economic disparity often receives higher attention of discourse in society. Even so, youth may face the issue of inequality from a different angle, that is, its influence on their identity formation. This article aims to see how urban youth view the issues of inequality platforms that exist in their lives and how these issues affect their identity formation. This study discusses views of urban youth on issues of inequality based on their actual situation and how they are dealing with it. The study uses quantitative and qualitative methods for data collection. A survey was conducted on 720 respondents consisting of students in three universities that are UM, UTM and USM. Three Focus Group Discussion was held in each location with ten respondents in each session. Data obtained from the survey were analysed for descriptive information and ranking analysis using SPSS. The study found that 23 per cent of respondents thought that power and position in society is the main contributing factor for someone to be in an inequality state, followed by the level of education and type of occupation. Meanwhile, 41 per cent of respondents believed that unemployment is a major issue affecting identity formation. Respondents also suggested that having a role model is seen as motivation when facing the crisis of inequality. Therefore, understanding how urban youth identities are affected by issues of inequality is vital for society to assist them in functioning well under possible stressful conditions in the future.*

Keywords: *Identity, inequality, identity formation, youth, urban youth*

---

### **PENGENALAN**

Isu ketidaksamaan telah berkembang dengan kadar yang membimbangkan semenjak beberapa dekad yang lalu. Pada masa yang sama, golongan remaja terus bertenaga, bersifat kreatif dan ghairah untuk menangani masalah yang tidak dapat di atasi, yang diwarisi daripada generasi sebelumnya (Oxfam, 2016). Remaja mewakili masa yang kritikal dalam proses pembentukan identiti. Ini merujuk kepada aspek peralihan mereka terhadap konsep hak dan tanggungjawab selaku orang dewasa. Peralihan yang perlu

dibuat ini tentu sukar bagi kebanyakan golongan remaja terutama apabila mereka perlu berhadapan dengan masyarakat yang sentiasa bersifat dinamik dan tidak sama rata. Dalam kalangan masyarakat moden, identiti tidak lagi boleh dianggap sebagai sesuatu yang diberikan, malah ia sesuatu yang harus dipilih dan dikembangkan sendiri. Fasa remaja sering dilihat sebagai fasa kehidupan yang dikaitkan dengan pembinaan identiti. Penyelidikan mengenai remaja oleh ahli sosiologi boleh dianggap masih baharu. Ahli sosiologi kini lebih

berminat untuk meneroka banyak aspek yang mempengaruhi pembentukan identiti remaja seperti tahap keyakinan dengan identiti mereka.

Dalam kebanyakan kajian terdahulu berkaitan kajian remaja bandar mahupun pelajar di universiti, lebih banyak tumpuan diberikan kepada kesan kemiskinan terhadap pendidikan, pencapaian akademik, masalah devian, buli dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak menyentuh secara khusus tentang pandangan remaja sendiri mengenai isu yang sebenar yang memberikan kesan kepada diri mereka. Dalam aspek sosiologikal, artikel ini meninjau aspek remaja dalam konteks '*being*' dan '*becoming*' (Uprichard, 2008). Karya terawal Stanley Hall (1904) dilihat sebagai salah satu kajian saintifik yang memasukkan unsur sosiologi dalam kajian remaja. Jelas terdapat banyak kegelisahan dan kebimbangan yang wujud berkaitan dengan kemampuan remaja untuk mengenal diri dan persekitaran mereka. Remaja dianggap sebagai seseorang yang terlibat dalam proses membina jati diri dalam dunia yang sentiasa bergolak dengan pelbagai isu dan mungkin menimbulkan ketegangan dan kegusaran dalam pengalaman harian mereka. Antara yang paling ketara apabila melibatkan aspek ketaksamaan yang wujud dalam masyarakat. Ketaksamaan memperlihatkan situasi mereka yang berada di tangga paling bawah dalam masyarakat yang mengalami kekurangan atau berada dalam kemiskinan. Mereka yang miskin seringkali kehilangan peluang mendapat pendidikan berkualiti dan gagal mencapai

potensi sepenuhnya dalam hidup mereka (Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat, 2018).

Tempoh masa pembentukan identiti seorang remaja adalah subjektif dan tidak ada satu jangka masa yang khusus dapat ditetapkan. Namun, harus diingat bahawa pembentukan identiti ialah satu proses yang berterusan dan akan berubah sepanjang hayat. Identiti seseorang individu biasanya tidak pernah lengkap dan seringkali akan memasukkan elemen aspirasi dan fantasi dalam proses pembentukannya. Artikel ini akan memperincikan perbincangan dalam kalangan remaja daripada universiti awam bandar (UM, USM, UTM) dalam melihat persepsi mereka terhadap isu ketaksamaan dalam usaha membentuk identiti diri. Oleh itu, artikel ini akan mengenal pasti isu-isu yang dilihat sebagai menyumbang kepada ketaksamaan dan turut mempengaruhi pembentukan identiti remaja. Memandangkan identiti adalah mengenai hak milik, artikel ini memperincikan perbincangan tentang remaja daripada universiti awam bandar membina persepsi mereka terhadap isu ketaksamaan dalam usaha membentuk identiti diri.

## **TINJAUAN LITERATUR DAN PENDEKATAN TEORITIKAL**

Di Malaysia, menurut Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (2019), polisi had umur remaja atau belia baharu ditakrifkan sebagai mereka yang berumur 15 hingga 30 tahun (Arfa Yunus & Esther Landau, 2019). Rasional had umur remaja ini antaranya adalah untuk memastikan

kesinambungan kepemimpinan masa depan negara, mengurangkan jurang generasi dalam kalangan remaja, mempercepatkan proses kematangan remaja, mengurangkan tingkah laku berisiko dalam kalangan remaja dan menstabilkan identiti diri mereka dalam memperkuatkan proses pembangunan belia (Siti Aisyah Ramli et al., 2017). Bagi perbincangan artikel ini, ‘remaja bandar’ merujuk kepada remaja yang tinggal di ruang ‘bandar’. Bandar di sini akan merujuk kepada “kawasan tempat tinggal manusia yang padat yang juga menunjukkan kepadatan ruang binaan yang lebih tinggi (dan yang mencerminkan kepekatan perkhidmatan, infrastruktur dan aktiviti sosioekonomi yang tinggi) daripada penempatan kawasan luar bandar” (Gupte, 2013, hlm. 13).

Aspek identiti pula dijelaskan oleh Bauman (1988) yang menekankan bahawa identiti terbentuk dalam lingkungan sosial dan kedudukannya dalam hubungan yang bersifat sementara; perasaan yang wujud pada masa lalu, kini dan masa depan akan berlegar dalam menjayakan identiti. Hubungan antara masa lalu, masa kini dan masa depan dalam proses pengembangan identiti yang berterusan menunjukkan keperibadian kita, perkara yang kita lakukan dan yang berubah di sepanjang perjalanan hidup kita kelak. Pada asasnya, ia memberikan gambaran tentang lokasi peribadi remaja, iaitu teras yang stabil bagi keperibadian seseorang.

Isu ketaksamaan atau kelas sosial dalam kalangan pelajar khususnya dikaji dari pelbagai aspek. Nur Hannan Lokman

dan Zanariah Ismail (2020) dalam kajian mereka telah melihat perkaitan antara kemurungan dengan keamatan sokongan sosial (keluarga, kawan, orang yang penting) dengan kepuasan hidup dalam kalangan pelajar universiti awam. Apa yang cuba ditonjolkan dalam artikel ini adalah lebih khusus kepada mengenal pasti aspek isu-isu ketaksamaan yang mungkin juga adalah salah satu pendorong kepada isu kemurungan para pelajar. Sekiranya kita tidak dapat mengenal pasti dengan khusus isu-isu ini, maka sukar untuk kita membantu para remaja membentuk identiti yang kukuh dalam hidup mereka.

Menurut Syazwana Aziz et al. (2019), faktor kurangnya pemantauan ibu bapa yang tidak mengambil tahu pergerakan aktiviti harian anak, tidak mengenali rakan anak dan terlalu memberi kebebasan kepada anak antara sebab remaja bebas terlibat dalam tingkah laku devian. Walaupun artikel ini tidak melihat aspek tingkah laku devian tetapi aspek persekitaran yang wujud dalam hubungan keluarga dan rakan-rakan memberikan impak yang besar kepada perasaan remaja tentang perbezaan yang mereka rasai dalam proses interaksi ini. Jadi, secara tidak langsung dengan mengenal pasti isu-isu ketaksamaan yang wujud di persekitaran mereka akan dapat membantu mencegah tingkah laku devian remaja dengan cara mengukuhkan identiti.

Selaras dengan penjelasan oleh Wilkinson dan Pickett (2009) yang menunjukkan bahawa tahap ketaksamaan yang tinggi akan mempengaruhi semua orang melalui ‘sikap buruk’ masyarakat

termasuklah kadar jenayah yang tinggi dan mereka yang dipenjarakan atas pelbagai kesalahan, penggunaan dadah, masalah kesihatan mental dan kesejahteraan anak yang terabai. Mereka turut mencadangkan bahawa perbezaan pendapatan yang besar akan mempengaruhi cara masyarakat menghubungkaitkan antara satu sama lain dan akan mewujudkan ‘masyarakat yang punah’ (*broken society*).

Ketidaksamaan juga tidak dapat dipisahkan antara kumpulan sosial. Ia akan mewujudkan hubungan penguasaan dan subordinat yang mengakibatkan remaja khususnya membuat penilaian sendiri mengenai nilai golongan berbeza dalam masyarakat. Bagi golongan remaja yang berjaya mencapai pendidikan tinggi, cabarannya bukan hanya dari segi kos, tetapi juga kualiti. Secara umumnya, kadar pengangguran belia yang tinggi menyebabkan peningkatan dan kecenderungan mempercayai demokrasi adalah buruk bagi ekonomi, bahawa demokrasi tidak tegas dan tidak cekap, dan pemimpin yang kurang berprinsip (*rogue leader*) akan dapat memerintah dengan lebih baik (Altindag & Mocan, 2010; Giuliano & Spilimbergo, 2009).

Golongan remaja bandar di institusi pengajian tinggi khususnya kini sedang memainkan peranan penting dalam mencipta masa depan supaya mereka dapat berjaya dan menjalani kehidupan yang bermakna. Dalam pada itu, diharapkan agar golongan pemerintah akan lebih bertanggungjawab bagi memastikan para remaja dapat memanfaatkan kekuatan

mereka sepenuhnya dan juga sentiasa peka tentang perkara yang dapat mereka lakukan bagi memastikan kelangsungan kesejahteraan remaja. Golongan remaja juga perlu terus mengatur langkah dan bertanggungjawab mengembangkan agenda bersama badan-badan kerajaan untuk mengatasi ketaksamaan dan mengukuhkan pembentukan identiti mereka.

### Pandangan Teoritikal

Kerpelman et al. (1997) mencadangkan perspektif mikroproses pembentukan identiti remaja dalam menggambarkan ciri interpersonal dan intrapersonal yang wujud dalam proses pembentukan identiti (Rajah 1). Identiti, jika dilihat dalam istilah ini, dapat dianggap sebagai sistem kawalan yang berfungsi mengurangkan percanggahan antara persepsi maklum balas dan definisi diri yang relevan secara peribadi. Sistem kawalan identiti terdiri daripada dua komponen interpersonal dan tiga komponen intrapersonal (Kerpelman et al., 1997). Dua komponen interpersonal merujuk kepada tingkah laku sosial dan maklum balas interpersonal, manakala tiga komponen intrapersonal pula merujuk kepada persepsi diri, standard identiti dan pembandingan. Persepsi diri timbul melalui transformasi maklum balas interpersonal dan hasil daripada pembanding diri dan standard yang ditetapkan akan menentukan jenis identiti yang bersesuaian yang akan terbentuk.

Perspektif ini dapat diterangkan dengan ringkas melalui lima komponen yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Komunikasi


interpersonal diterima oleh (A) yang diinterpretasikan menjadi persepsi diri (B) dan dipadankan menerusi pembandingan dengan input daripada standard identiti (C). Apabila standard dan persepsi diri tidak serasi, akan berlaku gangguan yang membawa kepada (D) iaitu enakmen tingkah laku yang bertujuan memulihkan identiti yang terganggu ini. Untuk proses pemulihan ini berlaku, tingkah laku kognitif mungkin akan membentuk terus (E) persepsi diri seseorang atau tingkah laku sosial akan mengubah situasi interpersonal (F) yang mengarah kembali kepada maklum balas sosial yang baharu (A). Walau bagaimanapun, sekiranya masih gagal untuk memulihkan keserasian antara persepsi diri dan standard identiti, maka cara alternatif yang boleh diambil adalah menyelaraskan standard identiti itu sendiri (G) (Kerpelman et al., 1997).

Sistem kawalan identiti, seperti yang dibincangkan oleh Kerpelman et al. (1997),

telah dibincangkan dengan lebih ringkas oleh Berzonsky (1997). Menurut Berzonsky (1997), tingkah laku awam menghasilkan maklum balas sosial yang dikodkan sebagai persepsi yang berkaitan dengan diri dan kemudian dibandingkan dengan standard identiti dalaman. Perbezaan antara persepsi diri dan piawaian identiti mendorong tingkah laku dan usaha kognitif yang dirancang untuk mengurangkan keadaan yang tidak bertanggungjawab. Usaha ini adalah berjuang memberikan maklum balas alternatif, yang akan mewujudkan tingkah laku baharu dalam mendapatkan maklum balas sosial yang berbeza bagi membentuk standard identiti yang lebih berkesan (Berzonsky, 1997).

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian penerokaan yang dilakukan menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif untuk mengumpul data. Kajian ini tidak melibatkan sebarang



Rajah 1. Komponen dalam proses kawalan identiti (Kerpelman et al., 1997)

pengujian hipotesis. Kajian penerokaan adalah untuk mengenal pasti isu-isu sebenar yang wujud dalam sesuatu aspek (ketaksamaan) yang dikaji dan mampu menghasilkan kajian yang berkualiti (Robinson, 1998). Pengumpulan kedua-dua data kuantitatif dan kualitatif telah dijalankan secara serentak dengan menjalankaan soal selidik diselangi dengan sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (Bernard, 2013).

Persampelan rawak telah digunakan untuk mendapatkan responden yang ditetapkan di tiga universiti awam di kawasan bandar di Semenanjung Malaysia iaitu Universiti Sains Malaysia (wilayah utara), Universiti Malaya (wilayah negeri pusat) dan Universiti Teknologi Malaysia (wilayah selatan). Seramai 720 responden terlibat dalam kajian ini. Kesemua responden yang dipilih telah berada di universiti sekurang-kurangnya setahun dan mereka dibesarkan di kawasan pekan atau bandar, terdiri daripada pelajar lelaki ataupun perempuan dan dari pelbagai bangsa. Soal selidik dijalankan bertujuan mendapatkan maklumat latar belakang responden dan keluarga mereka serta mengenal pasti isu-isu yang menyumbang kepada ketaksamaan dan isu yang paling mempengaruhi pembentukan identiti mereka. Data yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis untuk maklumat deskriptif dan analisis pemeringkatan (*ranking analysis*) menggunakan SPSS. Analisis pemeringkatan digunakan kerana ia salah satu teknik pengumpulan data yang mudah dan efisien untuk memahami persepsi dan pilihan individu (Yu et al., 2019).

## Latar Belakang Responden

Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelajar tempatan, lelaki (181) dan perempuan (531) dan dari pelbagai kumpulan etnik. Penyelidikan ini cuba memperoleh keseimbangan responden bagi kedua-dua jantina. Walau bagaimanapun, bilangan responden wanita lebih banyak berbanding lelaki di semua universiti yang terlibat. Terdapat seramai 531 (73.75%) responden perempuan dan 181 (25.14%) responden lelaki seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Memandangkan kajian ini melibatkan golongan remaja, majoriti responden iaitu 428 (59.44%) berumur dalam lingkungan usia 21–23 tahun. Jumlah ini diikuti oleh 246 (34.16%) orang responden dalam lingkungan usia antara 18–20 tahun seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 1

*Jantina*

Jantina	Kekerapan	Peratusan (%)
Lelaki	181	25.14
Perempuan	531	73.75
Tidak dinyatakan	8	1.11
<b>JUMLAH</b>	<b>720</b>	<b>100%</b>

*Nota.* Sumber daripada soal selidik.

Jadual 2

*Umur*

Umur (Tahun)	Kekerapan	Peratusan (%)
18–20	246	34.16
21–23	428	59.44
24–26	41	5.69
27–32	5	0.69
<b>JUMLAH</b>	<b>720</b>	<b>100%</b>

*Nota.* Sumber daripada soal selidik.

Responden yang terlibat dalam kajian ini juga terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik (Jadual 3). Majoriti responden terdiri daripada etnik Melayu (61.11%), diikuti etnik Cina (24.42%) dan lain-lain (7.63%). Keadaan ini disebabkan segelintir responden telah mengkategorikan diri mereka sebagai lain-lain khususnya bagi responden yang berasal dari Sabah dan Sarawak yang mengkategorikan diri mereka sebagai Bumiputera, Dusun, Kadazan, Iban, Murut atau Melayu-Cina.

Merujuk kepada hasil kajian tentang pendapatan isi rumah (Jadual 4), kategori pendapatan dibahagikan secara tidak langsung kepada tangga B40, M40 atau T20. Dalam kumpulan pendapatan di Malaysia, B40 mewakili 40% bagi pendapatan

isi rumah dengan pendapatan di bawah RM4,850 sebulan, M40 mewakili 40% pendapatan isi rumah pertengahan iaitu pendapatan antara RM4,850–RM10,959 sebulan dan T20 mewakili 20% pendapatan isi rumah atasan iaitu pendapatan lebih daripada RM10,959 sebulan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Hasil kajian menunjukkan bahawa seramai 459 (63.75%) atau lebih daripada separuh responden di kategorikan sebagai B40 (pendapatan bulanan kurang daripada RM3,000).

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Penemuan hasil kajian memfokuskan isu-isu ketaksamaan dan pengaruhnya dalam pembentukan identiti remaja. Walau bagaimanapun, para responden telah dikemukakan dengan persoalan aras tentang ketaksamaan iaitu kefahaman mereka tentang ketaksamaan. Ini diikuti oleh hasil kajian yang mengetengahkan faktor-faktor yang dikenal pasti oleh para responden sebagai penyumbang kepada ketaksamaan. Seperti kebanyakan fakta sosial, idea ketaksamaan ini mungkin terbina daripada pelbagai wacana yang wujud dalam masyarakat dan persekitaran sekeliling serta menyumbang kepada

Jadual 3  
*Kumpulan etnik*

Kumpulan etnik	Kekerapan	Peratusan (%)
Melayu	440	61.11
Cina	176	24.44
India	43	5.97
Lain-lain	55	7.63
Tidak dinyatakan	6	0.83
<b>JUMLAH</b>	<b>720</b>	<b>100</b>

Jadual 4  
*Pendapatan isi rumah*

Pendapatan bulanan isi rumah (RM)	Kekerapan	Peratusan (%)
Kurang daripada 2000	199	27.63
2001–3000	148	20.55
3001–4000	112	15.55
4001–5000	67	9.30
5001–6000	63	8.75
Lebih daripada 6000	129	17.91
Tidak dinyatakan	2	0.27
<b>JUMLAH</b>	<b>720</b>	<b>100</b>

pemahaman komulatif remaja mengenai isu ketaksamaan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa hampir kesemua responden, 90% (648 responden), menjawab ‘Ya’ apabila ditanya sama ada mereka tahu maksud ketaksamaan. Manakala selebihnya tidak begitu pasti maksud ketaksamaan. Responden yang menjawab ‘Tidak’ berkemungkinan mempunyai cara yang berbeza antara satu sama lain dalam memahami idea ketaksamaan kerana hampir 40% daripada responden adalah daripada kumpulan M40 dan ke atas. Jadi, persoalan yang mengaitkan mereka dengan status terkini mungkin menyebabkan jawapan ‘Tidak’ pada soalan yang diajukan.

Bagi soalan mengenai kefahaman konsep ketaksamaan dalam sesi Perbincangan Kumpulan Fokus, antaranya jawapan yang diperoleh adalah seperti berikut (nama responden telah diubah atas sebab kerahsiaan):

*“..Status dan kedudukan seseorang tidak sama dalam keadaan budaya, ekonomi, sosial dan politik yang berbeza-beza.” – Jenny*

*“...Ketaksamaan adalah satu konstruk sosial dan berlaku kepada sekumpulan orang tertentu yang menggunakan penampilan fizikal mereka atau mungkin kes mereka. Ini sebenarnya dipelajari melalui pengalaman dan proses sosial, jadi itulah sebabnya ketidaksamaan wujud kerana ia dilaksanakan dengan cara kita.” – Mimi*

*“...Saya rasa kita tidak dapat mendefinisikan ketaksamaan tanpa adanya persamaan....persamaan itu sendiri adalah istilah subjektif kerana orang yang berbeza akan menentukan apakah persamaan dengan cara yang berbeza. Oleh itu, saya rasa ketaksamaan berlaku ketika beberapa orang atau beberapa masalah dibangkitkan mengenai ketidaksamaan apabila segelintir orang dipengaruhi secara negatif.” – Shamil*

Melalui soal selidik, kajian turut mengemukakan persoalan kepada responden untuk mengetahui pendapat mereka mengenai faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada ketaksamaan. Sepuluh faktor telah disenaraikan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5. Antara faktor-faktor yang disenaraikan adalah tahap pendidikan (C3A), agihan pendapatan (C3B), status individu atau kategori seperti kurang upaya, penyakit tertentu dll. (C3C), jantina (C3D), saiz dan sokongan keluarga (C3E), jenis pekerjaan (C3F), golongan minoriti (C3G), tinggal di kawasan luar bandar atau pendalaman (C3H), kuasa dan kedudukan dalam masyarakat (C3I) dan sikap individu itu sendiri (C3J).

Menerusi penggunaan analisis pemeringkatan (*ranking analysis*), hasil kajian mendapati faktor utama yang dilihat menyumbang kepada ketaksamaan adalah kuasa dan kedudukan dalam masyarakat (169 responden). Selain daripada faktor kuasa dan kedudukan dalam masyarakat, tahap pendidikan (348 responden) turut

menjadi penyumbang. Walaupun jumlah responden adalah lebih ramai bagi faktor pendidikan, tetapi kesemua responden terlibat meletakkan tahap pendidikan dalam skala dua hingga empat. Selain itu, jenis pekerjaan (213 responden), tinggal di kawasan luar bandar atau pendalaman (212 responden), saiz dan sokongan keluarga (124 responden) dan sikap individu sendiri (237 responden) turut dilihat sebagai faktor yang menyebabkan berlakunya ketaksamaan.

Sementara itu, hasil kajian mendapati faktor jantina dan faktor menjadi golongan minoriti adalah faktor yang dilihat sebagai paling kurang menyumbang kepada isu ketaksamaan yang wujud. Konsep kedudukan sosial yang dianggap faktor paling berkaitan dalam menentukan ketaksamaan ini mempunyai dua penggunaan utama dalam konteks sosiologi kontemporari. Pertama, status seseorang merujuk kepada kedudukan seseorang dalam corak hubungan sosial seseorang dengan anggota lain dalam satu-satu sistem sosial. Kedua, status seseorang adalah pangkat seseorang dalam

lapisan anggota yang berkaitan dengan aspek kedudukan atau prestij (Fararo, 2017).

Menurut Fararo (2017), konsep status sosial yang digunakan setakat ini berbeza dengan idea kelas yang sering kali dikaitkan dengan konotasi ekonomi. Weber (1968) menjelaskan gagasan kumpulan status adalah cara yang dapat digunakan untuk membezakan asas kekuatan yang berbeza dalam masyarakat terutama yang berkaitan dengan pemilikan harta atau sumber pendapatan yang berbeza. Kumpulan status mungkin ataupun tidak mungkin mempunyai asas bagi sesuatu kelas. Menurut Weber lagi, wang dengan sendirinya tidak menjamin status seseorang dalam mendapat kedudukan. Walaupun begitu, para sarjana moden yang mengkaji stratifikasi sosial sering menggabungkan kedua-dua konsep ini iaitu kelas dan wang. Mereka juga membentuk indeks status sosioekonomi yang menggabungkan aspek prestij pekerjaan, pendapatan, dan pendidikan.

Antara jawapan yang diberikan oleh responden dalam sesi Perbincangan

Jadual 5  
*Faktor-faktor yang menyumbang kepada ketaksamaan*

	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
C31	169									
C3A		147								
C3A			108							
C3A				93						
C3F					108					
C3F						105				
C3H							90			
C3H								122		
C3E									124	
C3J										237

*Nota:* Sumber daripada soal selidik.

Kumpulan Fokus mengenai pula antaranya adalah seperti berikut:

*“...Saya rasa ketaksamaan wujud kerana masyarakat memilih untuk menilai lebih daripada satu individu atau satu kumpulan berbanding yang lain seperti kepentingan, kekayaan atau pengaruh apa yang mereka ada terhadap masyarakat. Cuma orang yang lebih dihargai adalah orang yang kaya kerana bagi masyarakat mereka inilah orang yang berusaha menjadi orang yang berjaya. Sama ada mereka mempunyai sokongan atau lahir dari dalam keluarga pertengahan atau atasan. Sangat mudah, senang untuk menilai satu daripada yang lain terutama apabila masyarakat meletakkan nilai pada sesuatu seperti kekayaan, jadi jika orang ini mempunyai banyak kekayaan maka orang ini tinggi nilai mereka. Sekiranya orang miskin tidak mempunyai kekayaan, mereka tidak mempunyai nilai dalam masyarakat.” – Nash)*

*“...Saya rasa faktor ketidaksamaan, saya fikir sejak lahir misalnya sebab kasta yang mana mereka dilahirkan dalam kasta tertentu. Mereka merasakan apabila mereka dilahirkan dalam kasta tertentu, mereka akan dipandang rendah dan ia masih berlaku di Malaysia.”*

– Dev

Berdasarkan faktor-faktor yang dikenal pasti itu, jelas menunjukkan bahawa para responden memahami ketaksamaan yang dikaitkan dengan kuasa dan kedudukan masyarakat. Ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa kuasa dan kedudukan seseorang itu akan menentukan peluang pendidikan yang berbeza-beza. Bagi yang berkuasa dan berkedudukan, peluang untuk remaja mendapat pendidikan yang lebih baik adalah lebih tinggi berbanding remaja yang berada dalam lingkungi ekonomi bawahan. Sekiranya ini berlaku, tentu remaja yang terlibat akan berhadapan dengan faktor-faktor lain seperti kesukaran mendapat pekerjaan dan terpaksa hidup di kawasan luar bandar. Jadi, sekiranya remaja ingin membentuk identiti yang kukuh, mereka perlu berusaha memperbaiki kedudukan terutama menerusi pendidikan supaya remaja dapat membina keyakinan diri yang lebih mantap.

Hasil analisis seterusnya menunjukkan hasil kajian yang mengenal pasti isu-isu ketaksamaan yang dikaitkan dengan ketaksamaan pada pandangan responden. Sepuluh isu ketaksamaan telah disenaraikan dalam Jadual 6. Isu-isu yang disenaraikan adalah berisiko lebih tinggi untuk dibuang kerja (C4A), layanan buruk daripada orang sekeliling (C4B), hidup dalam kemiskinan (C4C), tidak mendapat peluang sama rata dalam pendidikan (C4D), rasa diketepikan (C4E), pengangguran (C4F), hidup dalam serba kekurangan dan di kawasan bahaya (C4G), tidak ada kuasa dan tidak mampu bersuara (C4H), melakukan apa-apa sahaja walaupun ingin dielakkan demi

kelangsungan hidup (C4I) dan perubahan dalam sikap seseorang (C4J).

Hasil kajian telah menunjukkan bahawa seramai 296 responden atau 41.1% berpendapat bahawa pengangguran adalah isu utama yang berkait rapat dengan kewujudan ketaksamaan. Selain isu pengangguran, isu tidak mendapat peluang sama rata dalam pendidikan (193 responden) juga dilihat sebagai isu penting dalam ketaksamaan. Selain itu, isu-isu lain yang dikenal pasti adalah hidup dalam kemiskinan, layanan buruk daripada orang sekeliling, rasa diketepikan dan hidup dalam serba kekurangan dan di kawasan bahaya. Sejak sekian lama, hubungan antara aspek pengangguran dan kemiskinan masih belum kelihatan jelas, kerana pengangguran biasanya dikaitkan dengan taraf hidup seseorang disebabkan oleh ketiadaan pendapatan, dan adakalanya lebih baik seseorang itu dapat bekerja walaupun masih miskin. Walaupun sehingga kini pelbagai dasar diperkenalkan dalam usaha mengurangkan pengangguran dan

membasmi kemiskinan di banyak negara membangun, tetapi untuk mencapai objektif ini relativnya adalah sukar kerana kita masih kalah dengan situasi kemiskinan dan pengangguran yang tinggi (Agenor, 2004). Hubungan antara kemiskinan dengan pencapaian akaemik juga dapat dikaitkan dengan kesan negatif terhadap perkembangan minda justeru pembentukan identiti positif remaja (Faridah Abu Hassan et al., 2005). Hal ini adalah kerana isu kemiskinan keluarga mempunyai pengaruh yang kuat terhadap tahap pendidikan anak-anak (Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat, 2018).

Walaupun keperluan asas cenderung digunakan untuk dijadikan ukuran bagi kemiskinan mutlak, tetapi tidak ada alasan yang kukuh bahawa keperluan asas seseorang mungkin tidak berkaitan dengan apa-apa yang dimiliki oleh anggota masyarakat lain. Keperluan seseorang cenderung menjadi semakin relatif apabila pendapatan purata meningkat dan keperluan sosial semakin bersifat pelbagai dimensi (Watson,

Jadual 6  
*Isu-isu yang dikaitkan dengan ketaksamaan*

	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
C4F	154									
C4F		142								
C4C/D			90							
C4D				103						
C4B					95					
C4E						86				
C4G							109			
C4G/I								95		
C4I									117	
C4J										265

*Nota:* Sumber daripada soal selidik.


2014). Bagi sebilangan remaja, peralihan ke alam dewasa merupakan cabaran dalam memenuhi keperluan asas. Mereka mungkin tidak dapat mencari pekerjaan yang menawarkan gaji yang mencukupi yang membolehkan mereka memenuhi keperluan asas. Dengan bertambahnya bilangan remaja yang miskin, mereka juga turut cenderung gagal dalam pendidikan dan ini akan meneruskan kitaran kemiskinan dan pembangunan yang tidak setara dalam masyarakat (Chilton et al, 2007).

### Kesan Kemiskinan Terhadap Pembentukan Identiti Remaja


Hasil penemuan seterusnya ditunjukkan dalam Rajah 2 dan Rajah 3, yang melihat penjelasan deskriptif tentang sama ada isu-isu ketaksamaan yang dikenal pasti dalam perbincangan tersebut mempengaruhi ataupun tidak pembentukan identiti responden. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu seramai 341 responden atau 47.4% tidak bersetuju bahawa isu ketaksamaan sosial tidak mempengaruhi pembentukan identiti mereka. Ini diikuti oleh 132 responden yang

sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hasil kajian jelas menunjukkan bahawa lebih daripada 65.7% responden merasakan bahawa isu ketaksamaan sosial yang mereka terpaksa lalui dalam kehidupan harian mereka sememangnya mempunyai pengaruh kepada pembentukan identiti mereka.

Kita tidak dapat nafikan bahawa perkembangan dan pembentukan identiti remaja sememangnya dipengaruhi oleh aspek perhubungan sosial dalam masyarakat termasuklah dalam keluarga, kawan-kawan dan persekitaran di mana mereka tinggal dan dibesarkan seperti di bandar maupun luar bandar (Azizi Yahaya, 2008). Situasi yang hampir sama dikemukakan oleh Gangadharan et al. (2018) menunjukkan bahawa identiti sosial remaja yang dikongsi ini akan dapat mengurangkan tingkah laku antisosial bagi yang berada dalam golongan berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun perubahan yang berlaku dalam masyarakat sekeliling mungkin akan menimbulkan rasa kurang senang atau keimbangan dalam kalangan diri remaja.



Rajah 2. Penyataan tentang isu ketaksamaan tidak mempengaruhi pembentukan identiti saya



Rajah 3. Penyataan tentang saya percaya bahawa saya mempunyai identiti yang kuat dan tidak mudah dipengaruhi oleh isu ketaksamaan

Seterusnya hasil kajian yang ditunjukkan dalam Rajah 3 merupakan jawapan responden ketika ditanya sama ada mereka percaya mereka mempunyai identiti yang kuat dan tidak mudah dipengaruhi oleh isu ketaksamaan. Hasil menunjukkan bahawa seramai 372 responden atau 51.6 bersetuju dengan pernyataan tersebut. Walaupun hasil kajian menunjukkan bahawa lebih daripada separuh responden iaitu 63.3% merasakan mereka mempunyai identiti yang kuat, tetapi kita juga dapat melihat bahawa sejumlah yang lain (hampir 40%) merasakan bahawa mereka tidak mempunyai identiti yang kuat dan identiti mereka mungkin goyah sekiranya berhadapan dengan isu ketaksamaan dalam kehidupan harian.

Menerusi sesi Perbincangan Kumpulan Fokus yang diadakan, antara pendapat responden mengenai sama ada isu ketaksamaan mempengaruhi pembentukan identiti mereka adalah seperti berikut:

*“...Ketidaksamaan bagi saya, mempengaruhi saya dan ada*

*cara ia mempengaruhi saya, yang mana saya merasa sukar untuk mempercayai seseorang terutama mereka yang mempunyai kuasa. Ia membuat saya berfikir adakah saya harus mempercayai mereka atau tidak?” – Alif*

*“...Apabila adanya ketaksamaan, ia akan membentuk orang yang menindas dan orang yang ditindas. Apa yang berlaku seterusnya ialah ia akan membentuk bagaimana sistem berfungsi. Jadi, bukan sahaja ketidaksamaan menentukan identiti seseorang, tetapi ia juga akan terus menentukan identiti seluruh masyarakat, keseluruhan sistem. Dan dengan cara ini, dalam jangka masa panjang, ini akan memberi kita kerugian besar jika tidak ada orang yang ingin berjuang untuk menanggаниinya—ini adalah ketaksamaan.” – Nabila*

Berdasarkan penemuan tersebut, dapat dirumuskan bahawa isu-isu ketaksamaan yang telah dikenal pasti sebenarnya turut memberi kesan negatif kepada perkembangan remaja. Keadaan mungkin menjadi bertambah sukar sekiranya mereka hidup dalam kemiskinan apabila tahap perkembangan kognitif, sosial dan emosi mereka adalah pada peringkat yang sangat kritikal. Jelas bahawa sebenarnya isu-isu ketaksamaan yang dikenal pasti ini boleh mempengaruhi pembentukan identiti remaja dalam pelbagai cara. DeHaan dan MacDemid (1996) mendapati bahawa kesukaran ekonomi dan hasil tingkah laku memberi kesan psikologi tidak langsung kepada remaja khususnya remaja bandar.

Sementara itu, dalam mengaitkan penemuan hasil kajian ini dengan model teori kawalan identiti oleh Kerpelman et al. (1997), intipati model telah menggambarkan aspek teori kawalan identiti sebagai suatu mikro pemprosesan identiti. Berdasarkan kepada faktor-faktor yang telah dikemukakan oleh responden mengenai faktor yang boleh menyebabkan ketaksamaan, kedua-dua aspek interpersonal dan intrapersonal remaja terlibat dalam proses kawalan dan pembentukan identiti. Ini termasuklah maklumat berkaitan diri remaja yang diperoleh daripada isu ketaksamaan sosial yang telah dikenal pasti dan cara isu-isu ini membentuk peluang dan tekanan terhadap diri mereka. Isu-isu ketaksamaan ini berkemungkinan akan mempengaruhi remaja secara interpersonal mahupun intrapersonal dalam kehidupan mereka yang tidak langsung akan mempengaruhi pembentukan identiti.

Menurut Phillips dan Pittman (2017), faktor pertama yang perlu dipertimbangkan adalah sifat standard identiti yang dimiliki oleh remaja di peringkat awal penerokaan identiti mereka. Ini disebabkan adalah mustahil bagi remaja memulakan eksplorasi identiti dahulu kerana seseorang individu tidak dilahirkan dengan penetapan identiti yang khusus. Sebaliknya ia akan terbentuk dengan pendedahan kepada persekitaran dan masyarakat sekeliling. Hasil pendedahan kepada masyarakat sekitar dalam pelbagai isu ketaksamaan yang wujud akan secara tidak langsung dijadikan sebagai piawai kepada pembentukan identiti remaja. Isu ketaksamaan akan mendedahkan remaja kepada maklumat tentang diri mereka sendiri dan dalam lingkungi mana mereka berada.

Para responden yang terlibat turut menyuarakan beberapa saran dan pandangan dalam membantu menghadapi isu ketaksamaan dalam masyarakat. Antaranya adalah dengan mempunyai seorang '*role model*' dalam kehidupan yang membolehkan remaja mendapat motivasi dalam menghadapi isu-isu ketaksamaan dalam hidup mereka. Ini diikuti oleh sikap yang tidak selalu membandingkan diri dengan orang yang mempunyai lebih daripada diri sendiri sebaliknya melihat orang yang serba kekurangan daripada diri sendiri. Ada juga dalam kalangan responden berpendapat remaja perlu bersedia berdepan dengan apa-apa sahaja situasi yang wujud dalam kalangan masyarakat dan berusaha mencari jalan alternatif dalam menghadapi isu-isu yang wujud dan mempunyai

keyakinan mengubah diri menjadi lebih baik.

Jadi di sini pengkaji turut menyarankan bahawa dalam usaha menghasilkan dan membina remaja yang lebih kuat pada masa depan adalah wajar masyarakat memikirkan cara untuk menolong mereka mengatasi rasa gentar terhadap isu-isu ketidaksamaan. Ini termasuklah memberi sokongan berterusan terhadap remaja dalam meniti pendakian (dalam pelbagai dimensi) proses pembelajaran berterusan dalam hidup mereka dan melindungi remaja-remaja yang berada dalam kategori sosioekonomi bawahan. Remaja yang mempunyai banyak keinginan yang tidak dapat dipenuhi selalunya akan lebih cenderung terlibat dalam tingkah laku yang berisiko tinggi (Robertson, 1994).

## KESIMPULAN

Daripada keseluruhan perbincangan, kajian ini telah menunjukkan bahawa faktor-faktor dan isu ketaksamaan yang wujud dalam masyarakat adalah didasarkan kepada situasi sebenar yang berlaku dalam kehidupan remaja. Kebanyakan remaja menganggap faktor kuasa dan kedudukan dalam masyarakat adalah faktor utama berlakunya ketaksamaan diikuti oleh faktor pendidikan dan pekerjaan. Manakala isu pengangguran dilihat sebagai isu utama dalam aspek ketaksamaan diikuti oleh isu tidak mendapat peluang sama rata dalam pendidikan dan hidup dalam kemiskinan.

Dengan mengenal pasti faktor-faktor dan isu-isu berkaitan ketaksamaan ini, kita dapat melihat dengan jelas cara remaja menilai

sama ada pembentukan identiti mereka turut dipengaruhi oleh isu ketaksamaan. Hasil kajian dengan juga telah menilai perkaitan antara aspek ketaksamaan dengan pembentukan identiti remaja bandar di tiga institusi pengajian tinggi awam yang terlibat. Dapat dikatakan disini bahawa remaja bandar khususnya memerlukan pelbagai bentuk pengalaman bagi memperoleh kesejahteraan dan kelancaran dalam proses peralihan menjadi dewasa menerusi rasa jati diri yang kuat. Masyarakat juga harus sentiasa memberi sokongan kepada para remaja ketika mereka berhadapan dengan pelbagai isu ketaksamaan supaya mereka dapat membentuk identiti yang lebih kuat.

Akhirnya, penyelidikan ini berpotensi untuk diterokai lebih jauh dengan melihat pengaruh isu ketaksamaan dalam pembentukan identiti remaja luar bandar, remaja marginal mahupun remaja kurang upaya. Semua kumpulan remaja ini harus diterokai dalam konteks mereka sendiri dan kajian perbandingan akan menjadikan penyelidikan ini lebih kuat dan menjadi panduan kepada semua pihak dalam membangun masa depan yang lebih baik bagi generasi akan datang. Semua pihak harus berganding bahu untuk menyokong golongan remaja yang menjadi harapan negara. Apabila golongan remaja ini berjaya membentuk identiti yang kukuh, maka secara tidak langsung mereka akan dapat berfungsi dengan baik di bawah keadaan tertekan pada masa hadapan dan belajar membina hubungan baik dengan persekitaran dan terbuka untuk idea-idea baharu dalam membina masa hadapan yang lebih baik.

## PENGHARGAAN

Kajian ini telah ditaja oleh *Ungku Aziz Centre for Development Studies*, Universiti Malaya, di bawah Geran PD001-2018.

## RUJUKAN

- Agenor, P.-R. (2004). *Unemployment-poverty trade-offs* (Policy Research Working Paper No. WPS 3297). World Bank Group. <http://hdl.handle.net/10986/14028>
- Altindag D., & Mocan N. (2010). Joblessness and perceptions about the effectiveness of democracy. *Journal of Labor Research*, 31(2), 99-123. <https://doi.org/10.1007/s12122-010-9089-y>
- Arfa Yunus, & Landau, E. (2019, July 3). ‘Youth’ now defined as those between 15 and 30. *New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/news/nation/2019/07/501288/youth-now-defined-those-between-15-and-30>
- Azizi Yahaya. (2008). Pembentukan personaliti remaja. *Journal of Science & Mathematics Education*. <http://eprints.utm.my/id/eprint/6034>
- Bauman, Z. (1988). *Freedom*. Open University Press.
- Bernard, H. R. (2013). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Sage Publications Inc.
- Berzonsky, M. D. (1997). Identity development, control theory, and self-regulation: An individual differences perspective. *Journal of Adolescent Research*, 12(3), 347-353. <https://doi.org/10.1177/0743554897123006>
- Chilton, M., Chyatte, M., & Breaux J. (2007). The negative effects of poverty & food insecurity on child development. *The Indian Journal of Medical Research*, 126(4), 262-272.
- DeHaan, L., & MacDemid, S. (1996). *Identity and Poverty*. Garland.
- Fararo, T. J. (2017). Social status. Dlm D. S. Clark, *Encyclopaedia of Law & Society: American and Global Perspectives* (hlm. 1397-1398). Sage Publications.
- Faridah Abu Hassan, Naimah Ishak, Hamidah Yusof, & Habibah Abdul Rahim. (2005). Kemiskinan dan pendidikan: Perubahan minda orang melayu ke arah kecemerlangan pendidikan akademik. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 7, 25-56. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/penerbitan-dan-jurnal/penyelidikan/1360-jurnal7/file>
- Gangadharan, L., Grossman P. J., Komai, M., & Vecci, J. (2018). *Impact of Social Identity and Inequality on Antisocial Behaviour* (Discussion number 1/18). Department of Economics, Monash University.
- Giuliano P., & Spilimbergo A. (2009). *Growing up in a recession: Beliefs and the macroeconomy* (NBER Working Paper 15321). National Bureau of Economic Research. <https://doi.org/10.3386/w15321>
- Gupte, J. (2013). Urban settings as an opportunity for realizing all child rights. *South-South Cooperation for Child Rights* (Working Paper 4). UNICEF ROSA/UNICEF EAPRO. [https://www.ids.ac.uk/download.php?file=files/dmfile/Unicef\\_urban.pdf](https://www.ids.ac.uk/download.php?file=files/dmfile/Unicef_urban.pdf)
- Hall, G. S. (1904). Adolescence: Its psychology and its relations to physiology, anthropology, sociology, sex, crime, religion and education (Vol. 2). *Classics in the History of Psychology*. <https://web.archive.org/web/20160318152438/http://psychclassics.asu.edu/Hall/Adolescence/chap17.htm>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Laporan survei pendapatan isi rumah & kemudahan asas 2019*. <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=cE13dXFSRFVQL2IrTUhJNE5vRXRXZz09>

- Kerpelman, J. L., Pittman J. F., & Lamke L. K. (1997). Toward a microprocess perspective of adolescent identity development: An identity control theory approach. *Journal of Adolescent Research*, 12(3), 325-346.
- Nur Hannan Lokman, & Zanariah Ismail. (2020). Kemurungan dan keamatan sokongan sosial dengan kepuasan hidup dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(6), 68-78. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i6.426>
- Oxfam. (2016). Youth and inequality: Time to support youth as agents of their own future. *Oxfam Briefing Paper*. [https://www-cdn.oxfam.org/s3fs-public/file\\_attachments/bp-youth-inequality-global-120816-en\\_0.pdf](https://www-cdn.oxfam.org/s3fs-public/file_attachments/bp-youth-inequality-global-120816-en_0.pdf)
- Phillips, T. M., & Pittman, J. F. (2017). Identity processes in poor adolescents: Exploring the linkages between economic disadvantage and the primary task of adolescence. *Identity: An International Journal of Theory and Research*, 3(2), 115-129.
- Robertson, R. (1994). Globalization or glocalization? *The Journal of International Communication*, 1(1), 33-52.
- Robinson, G. M. (1998). *Methods and techniques in human geography*. John Wiley & Sons.
- Siti Aisyah Ramli, Bahaman Abu Samah, Asnarulkhadi Abu Samah, Khairuddin Idris, & Hayrol Azril Mohammed Shaffril. (2017). Urban youth subjective well-being in Malaysia: Potential factors. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(4), 538-543. <http://doi.org/10.6007/IJARBSS/v7-i4/2827>
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid, & Narimah Samat. (2018). Kemiskinan keluarga dan pengaruhnya terhadap tahap pendidikan rendah masyarakat luar bandar: Kajian kes di Jajahan Bachok, Kelantan. *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(2), 11-23.
- Syazwana Aziz, Salina Nen, Suzana Mohd Hoesni, & Jamiah Manap. (2019). Tingkah laku devian dalam kalangan remaja di Semenanjung Malaysia berdasarkan faktor pemantauan ibu bapa, komunikasi ibu bapa dan religiositi. *Malaysian Journal of Social Science*, 4(1), 93-101.
- Uprichard, E. (2008). Children as ‘being and becomings’: Children, childhood and temporality. *Children & Society*, 22(4), 303-313. <https://doi.org/10.1111/j.1099-0860.2007.00110.x>
- Watson, D. (2014). Poverty and basic needs. Dlm D. M. Kaplan, *Encyclopedia of Food and Agricultural Ethics* (hlm. 1529-1535). Sage Publications. [https://doi.org/10.1007/978-94-007-6167-4\\_442-1](https://doi.org/10.1007/978-94-007-6167-4_442-1)
- Weber, M. (1968). *Economy and society: An outline of interpretive sociology*. Bedminster Press.
- Wilkinson, R., & Pickett, K. (2009). *The spirit level: Why more equal societies almost always do better*. Allen Lane.
- Yu, P. L. H., Gu, J., & Xu, H. (2019). Analysis of ranking data. *Wiley Interdisciplinary Reviews: Computational Statistics*, 11(6), Article e1483. <https://doi.org/10.1002/wics.1483>